

PRESIDEN ABIM SERTAI UMNO?

PETALING JAYA, Jumaat.— Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Encik Anuar Ibrahim akan menyertai UMNO dan bertanding atas tiket Barisan Nasional bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh, dekat Bukit Mertajam dalam pilihanraya bulan depan.

Presiden UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan penyertaan Encik Anuar dalam UMNO tidak lama lagi.

Terkemuka

Sumber-sumber yang rapat dengan beliau memberitahu *Berita Harian*, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri menawarkan tokoh bella itu bertanding kerusi Parlimen atas tiket Barisan Nasional dalam satu pertemuan di kediaman Perdana Menteri baru-baru ini.

Encik Anuar tertarik dengan konsep UMNO yang berjuang ke arah perpaduan orang-orang Melayu dan berlandaskan akidah Islam.

Menurut sumber itu

lagi, perbincangan di kediaman Perdana Menteri itu berlangsung selama sejam yang berakhir dengan kejayaan.

Tokoh bella yang terkemuka di dalam dan luar negeri itu pernah ditawarkan bertanding dalam pilihanraya tahun 1974 dan 1978, tetapi beliau menolaknya.

Sementara itu Yang Di Pertua Agung PAS, Datuk Haji Mohamed Asri Haji Muda mensifatkan keputusan Presiden ABIM, Encik Anuar Ibrahim bertanding dalam pilihanraya umum atas tiket Barisan Nasional adalah hak individu.

Ditanya sama ada memasukkan Encik Anuar dalam Barisan Nasional akan menggugat kedudukan PAS memandangkan sebilangan besar ahli ABIM adalah ahli PAS, Datuk Asri menjawab, "Sebahagian besar ahli PAS adalah ahli ABIM."

Ini bermakna, bukan PAS mengikuti ABIM sebaliknya ABIM mengikuti PAS, katanya.

Jelasnya, PAS dan ABIM tidak boleh disamakan. Kerana PAS adalah badan politik

sedangkan ABIM tidak.

Mengetahui mengenai manifesto PAS, Datuk Asri mengulangi ia akan dicetak tidak lama lagi setelah diluluskan.

Pemerhati-pemerhati politik berkata, PAS menerima tamparan hebat jika Encik Anuar Ibrahim bertanding di kawasan Permatang Pauh.

Ahli Parlimen kawasan tersebut, Haji Zabidi Haji Ali yang juga Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang sendiri menghormati Encik Anuar.

Berhemah

Beliau dilaporkan menghormati Encik Anuar sebagai seorang pemimpin yang berkalebar dan berhemah tinggi.

"Saya sendiri akan menarik diri dari bertanding di kawasan itu jika Encik Anuar bertanding atas tiket PAS," kata Haji Zabidi.

Bagaimanapun, jika Encik Anuar bertanding atas tiket Barisan Nasional, Haji Zabidi difahamkan akan bertanding di kawasan itu.

Malah beliau yakin akan mempertahankan kerusinya untuk satu penggal lagi walaupun Encik Anuar bertanding di situ.

Pihak PAS juga di katakan pernah memujuk Encik Anuar supaya bertanding atas tiket PAS, tapi gagal.